

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS – PAS ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 42)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana peranan yang dimainkan Unit Prestasi Tinggi Negeri-Negeri (USPTN) dalam mencari bakat baharu sukan dan memperkembangkan bakat ke peringkat yang lebih tinggi.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi menguruskan program latihan Pelapis di peringkat negeri dengan baik dan berkesan maka Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah menubuhkan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) di setiap negeri dan diletakkan secara pentadbiran di bawah Majlis Sukan Negeri masing-masing. Unit ini telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan program Pelapis di peringkat negeri bersama program pembangunan yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negeri masing-masing bagi memastikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai atlet muda berbakat di peringkat negeri dapat direalisasikan.
  
2. Sejak penubuhan unit ini pada tahun 2008 banyak kejayaan telah dicapai melalui pelaksanaan program Pelapis di peringkat negeri. Atlet-atlet Pelapis negeri merupakan penyumbang utama kepada kejayaan kontinjen negeri di Temasya Sukan Malaysia. Seramai **1222** atlet Pelapis negeri telah bertanding di SUKMA Perlis 2014 dan telah membantu kontinjen negeri dalam kutipan pingat negeri masing-masing. Atlet-atlet pelapis negeri telah memenangi 93 Emas, 128 Perak dan 140 gangsa (Jumlah pungutan pingat adalah sebanyak 361 pingat iaitu 28 % dari 1264 jumlah keseluruhan). Pada temasya ini juga seramai 4 atlet negeri telah berjaya memecahkan rekod SUKMA.

**SULIT**

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian melalui Institut Sukan Negara bekerjasama dengan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) dalam melaksanakan program pengujian sukan spesifik di seluruh negara dengan menerapkan elemen-elemen sains sukan seperti pemakanan, suaian fizikal dan fisiologi senam untuk diaplikasikan dalam proses menjadi atlet yang berprestasi tinggi dan berkualiti. Selain itu, program pendidikan juga turut diberikan bagi memberi pendedahan awal kepada amalan sains sukan kepada atlet dan jurulatih negeri.

Sekian, terima kasih.